

Headline **UPM terima geran penyelidikan RM1.8J**  
Date **06. Mar 2008** Language **MALAY**  
Media Title **Berita Harian** Page No **35**  
Section **Pendidikan** Article Size **134** cm2  
Circulation **217920** Frequency **Daily**  
Readership **2083000** Color **Full Color**



## UPM terima geran penyelidikan RM1.8j

**I**NSTITUT Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM), menerima geran penyelidikan RM1.8 juta untuk membiayai 10 projek penyelidikan sejak ditubuhkan pada 2005.

Tiga daripada projek itu di bawah penyelidikan sains, fundamental (dua) serta geran universiti (lima) membabitkan produk makanan dan bukan makanan seperti kosmetik, farmaseutikal, nutraseutikal, polisi serta sistem dan kewangan.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha Raja Abdullah, berkata institut penyelidikan itu memiliki tiga makmal iaitu analisis dan autentikasi, inovasi dan proses serta polisi dan pengurusan.

Makmal terbabit, katanya, berperanan menjalankan penyelidikan dalam pelbagai teknik dan kaedah penghasilan serta pengesahan produk halal yang cepat dan tepat, perundingan penggubalan polisi serta tadbir urus berkaitan industri halal pada peringkat kebangsaan dan global.

"Selain itu, makmal ini juga berupaya membangunkan sistem jaminan kualiti produk halal dan pangkalan data serta sumber maklumat

mengenai penyelidikan, produk dan perkhidmatan analisis yang dikembangkan pelbagai pihak pada peringkat serantau serta dunia.

"Ketika ini, penyelidikan produk dan proses dijalankan institut ini menampilkan kejayaan dan mampu meningkatkan kepelbagaian produk halal dengan menawarkan kandungan alternatif kepada sumber konvensional gelatin, lemak haiwan dan bahan pengawet bersifat toksik serta memudaratkan kesihatan," katanya kepada *Berita Harian*.

Beliau berkata, penyelidikan IPPH turut merangkumi pembangunan teknik baru untuk pengesahan produk halal menggunakan kaedah saintifik yang lazim digunakan dalam bidang penyelidikan kanser, biofarmasi dan bioteknologi seperti metabolomik, proteomik (pemprofilan peptida) serta genomik.

Nik Mustapha berkata, kejayaan penyelidikan itu dibantu kemudahan makmal penyelidikan serta peralatan canggih dan terkini di institut itu, antaranya 4-Dimensional Gas Chromatography Time of Flight Mass Spectrometer dan Ultra Performance Liquid Chromatography.